

KEUNGGULAN BULAN ZULHIJJAH

Persediaan Menghadapi Zulhijjah

Dalam menyambut musim-musim kebajikan, para ulama telah mencadangkan beberapa langkah penting bagi membantu kita semua mengambil manfaat yang optimum daripada peluang yang disediakan oleh Allah SWT. Antaranya ialah:

1. Memperbanyakkan taubat kepada Allah SWT di atas dosa-dosa yang telah dilakukan. Kerana dosa yang terhimpun akan mengakibatkan kita semakin jauh dari rahmat Allah SWT
2. Memperbanyakkan doa kepada Allah SWT agar diperkenankan setiap kehendak kita serta semoga dalam perlindungan Allah SWT setiap waktu.
3. Mempersiapkan diri dan keluarga dengan mengisi ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan ibadah dan amalan dalam bulan Zulhijjah serta senantiasa memperingatkan tentang larangan Allah SWT.
4. Meningkatkan tekad dan azam untuk istiqamah dalam memperbanyakkan amal kebaikan serta mengingati Allah SWT dalam apa jua keadaan.
5. Merangka dan menetapkan amalan-amalan yang bakal dilaksanakan supaya ia dapat direalisasikan dengan jayanya.

Kemuliaan 10 Hari Pertama Zulhijjah

Terdapat beberapa dalil dari al-Quran dan hadis yang telah menyebut tentang kelebihan sepuluh hari terawal bulan Zulhijjah ini. Antaranya ialah firman Allah SWT dalam Surah Al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةِ
الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَوْلِيَاءَ الْبَائِسِ الْفَقِيرِ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin".

[Surah al-Hajj, ayat 28]

Firman Allah SWT Surah al-Fajr, ayat 1-2:

وَالْفَجْرِ ۝
وَاللَّيْلِ عَشْرِ ۝

Maksudnya: Demi fajar, dan malam yang sepuluh.

Ibnu Abbas r.a juga telah meriwayatkan sabda Rasulullah SAW yang menyebut:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهِنَّ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ.

Maksudnya: Tidak ada hari yang amal soleh padanya lebih dikasihi oleh Allah selain daripada hari-hari yang sepuluh ini. Para sahabat bertanya, Walaupun berjihad di jalan Allah? Rasulullah SAW menjawab, Walaupun berjihad di jalan Allah; kecuali orang yang keluar (berjihad) membawa diri serta hartanya dan tidak kembali lagi selepas itu (syahid).

(Riwayat Tirmizi)

Ibnu Umar r.a pula meriwayatkan sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ الْعَمَلُ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ

Maksudnya: Tidak ada hari yang lebih besar di sisi Allah SWT dan beramal padanya lebih dikasihi oleh Allah dari hari-hari yang sepuluh ini. Maka perbanyakkanlah padanya bertahlil, bertakbir dan bertahmid.

(Riwayat Ahmad)

Sudah terpancar kepada seorang muslim bahawa di dalam bulan yang mulia ini telah terhimpun lambakan keistimewaan yang perlu digapai oleh setiap orang mukmin sebelum ia berlalu pergi . ini kerana keistimewaan yang ada dalam bulan yang hebat ini bersifat sementara dan ia tidak akan diperolehi dalam bulan-bulan yang lain.

Amalan-Amalan Yang Di Tuntut Pada Sepuluh Hari Terawal Zulhijjah

1 Menunaikan Haji

Haji merupakan suatu ibadah yang paling afdhal dilakukan pada bulan Zulhijjah. Pelaksanaan ibadah ini akan menatijahkan sifat disiplin dalam diri. Sesiapa yang berpeluang untuk melaksanakan rukun Islam yang kelima ini akan dijanjikan ganjaran yang hebat dari Allah SWT

2 Memperbaiki ibadah wajib dan memperbanyakkan amalan sunat

Di dalam bulan yang mulia ini, rebutlah peluang dengan memperkasakan ibadah kita agar ia menjadi lebih baik dari sebelumnya. Disamping itu, tambahkan lagi amalan sunat seperti bersedekah, mengerjakan solat-solat sunat, membaca al-Quran moga ia dapat mejemput kurniaan Allah SWT

3. Memperbanyakkan puasa sunat terutamanya puasa Hari Arafah

Berpuasa pada hari Arafah mengandungi kelebihan yang cukup istimewa iaitu dapat menghapuskan dosa yang dilakukan selama dua tahun, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Maksudnya: “Puasa pada hari Arafah itu aku mengharapkan kepada Allah untuk Dia menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya dan setahun selepasnya.

[H.R Muslim]

Seandainya tidak berkesempatan untuk berpuasa di sepanjang awal zulhijjah, maka janganlah pula ditinggalkan puasa pada Hari Arafah yang sarat dengan limpahan kebaikan dari Allah SWT. Puasa pada hari Arafah ini hanyalah disunatkan bagi mereka yang tidak mengerjakan haji sahaja. Bagi jemaah haji yang sedang berwukuf di Arafah, berpuasa pada hari tersebut adalah tidak disunatkan ke atas mereka kerana Rasulullah SAW tidak berpuasa sewaktu baginda berwukuf di Arafah pada tahun baginda mengerjakan haji. Malah orang yang menunaikan haji mendapat kelebihan yang amat besar berwukuf di Arafah yang tidak diperolehi oleh mana-mana perhimpunan yang lain di dunia ini.

4. Mengucapkan Tahlil, Takbir dan Tahmid

Lazimi lah ucapan mengagungkan kebesaran Allah SWT agar ia dapat mendidik hati dan jiwa untuk sentiasa mengingati Allah SWT.

5. Melaksanakan ibadah korban

Rasulullah saw bersabda:

مَنْ كَانَ لَهُ ذَبْحٌ يَذْبَحُهُ فَإِذَا أَهْلَ هِلَالِ ذِي الْحِجَّةِ، فَلَا يَأْخُذَنَّ مِنْ شَعْرِهِ، وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا
حَتَّى يُصَحِّيَّ

Maksudnya: Barangsiapa yang mempunyai binatang korban untuk disembelih, maka apabila terlihatnya anak bulan Zulhijjah, janganlah dia mengambil satu apa pun (iaitu memotong) daripada rambutnya, mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkorban.

(Riyawat Muslim)

Antara hikmah yang disebut oleh Imam Nawawi Rahimahullah dalam syarah-nya ialah larangan memotong kuku dan menggunting rambut bagi orang yang ingin melaksanakan korban ialah supaya anggota yang terdapat pada badannya itu semuanya akan dibebaskan daripada api neraka.